



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

Kenderaan seludup petrol beralih ke Pantai Timur

Pembukaan stesen minyak tanpa subsidi sekitar sempadan tangani sindiket penyeludupan

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Padang Besar: Pembukaan stesen minyak menjual petrol dan diesel tanpa subsidi serta penguatkuasaan berterusan sekitar sempadan Malaysia-Thailand di sini, menyebabkan banyak lori dan pikap dengan nombor pendaftaran Thailand, dipercayai milik sindiket penyeludupan, dikesan mula beralih ke Pantai Timur.

Perkembangan itu dimaklumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub selepas kementeriannya menerima maklumat banyak pikap dan lori dari negara jiran itu kini mengalih haluan ke kawasan sempadan di negeri Pantai Timur.

Katanya, ia berikutan tidak banyak stesen minyak tidak bersubsidi dibuka di negeri di sebelah timur Semenanjung.

"Saya dapat maklumat daripada anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) bahawa sekarang pikap dan lori didaarkan di Thailand mula beralih mengisi minyak bersubsidi di stesen minyak sekitar kawasan sempadan negara di sebelah Pantai Timur."

"Jadi, saya melihat kalau kita buka lebih banyak stesen minyak tidak bersubsidi di kawasan Pan-



Salahuddin menunjukkan harga minyak tanpa subsidi selepas merasmikan Projek Rintis Pembekalan Minyak RON95 dan Diesel Tanpa Subsidi di Perlis di Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, di Padang Besar, semalam.

(Foto Aizat Sharif/BH)

tai Timur ini, maka itu adalah jalan penyelesaian terbaik bagi menangani kes seludup keluar petrol, diesel bersubsidi dan sekurang-kurangnya kerugian RM150 juta setahun dapat diatasi," katanya selepas merasmikan Projek Rintis Pembekalan Minyak RON95 dan Diesel Tanpa Subsidi di Perlis di Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, jumlah RM150 juta nilai kerugian setahun itu berdasarkan anggaran KPDN akibat ketirisan bahan bakar subsidi yang diseludup ke negara jiran.

Perbanyak stesen tanpa subsidi
Katanya, pembekalan RON95 dan diesel tanpa subsidi itu satu inovasi KPDN dengan cadangan lebih banyak stesen sedemikian dibuka di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan, sempadan Malaysia-Singapura di Johor Bahru dan sempadan Malaysia-Indonesia di Sabah serta Sarawak, akan diberi tanggung kepada Kabinet.

"Saya akan bentangkan kepada mesyuarat Jemaah Menteri Ju-

maat ini (esok) untuk cadangan supaya lebih banyak stesen minyak tidak bersubsidi ini dibuka di kawasan sempadan Malaysia dengan negara jiran di Kelantan, Johor Bahru dan Sabah serta Sarawak," katanya.

Katanya, langkah memperluaskan lebih banyak stesen minyak menjual bahan api tanpa subsidi itu dilihat lebih ekonomik, praktikal dan global, selain dapat menyelamatkan ketirisan subsidi negara.

"Ini suatu kaedah atau pendekatan ekonomi yang praktikal dan global. Pada masa sama menyelamatkan ketirisan subsidi, masih memberikan keuntungan kepada kerajaan dan jika betul caranya, saya rasa kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) juga boleh diambil."

"Malah, ia turut mewujudkan persaingan sihat antara pengusaha stesen minyak tidak bersubsidi ini dari segi harga. Itu tidak salah disebabkan ia tidak mempunyai subsidi dan syarikat petroleum boleh bersaing dari segi harga untuk penjualan petrol dan diesel

tidak bersubsidi di premis mereka," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sepanjang tahun lalu sahaja, KPDN merekodkan 43 tangkapan kes membabitkan penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi di Perlis dengan nilai rampasan RM100,611.

"Susulan itu, dengan langkah ini, setiap kenderaan berpendataran asing boleh mendapatkan bekalan petrol dan diesel di stesen minyak komersial dengan harga komersial dan tanpa subsidi."

"Projek rintis dilaksanakan di Perlis ini untuk tempoh tiga bulan bermula awal bulan ini hingga April depan bagi menilai keberkesannya, sebelum diperluaskan ke negeri yang mempunyai sempadan antarabangsa seperti Kedah, Perak, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak," katanya.

Terdapat dua stesen minyak tidak bersubsidi di Perlis menjual petrol dan diesel tidak bersubsidi, masing-masing di Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, di Padang Besar dan Kampung Wang Kelian di Wang Kelian.

Konsep baju raya Rahmah menjelang Aidilfitri

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Dalam usaha berterusan meringankan beban rakyat khususnya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, kerajaan bercadang memperluaskan konsep Rahmah untuk kelengkapan raya.

Konsep Raya Rahmah itu bakal memberi peluang buat golongan kurang berkemampuan menyediakan kelengkapan perayaan seperti perhiasan rumah, baju raya dan barang lain yang diperlukan mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, nama-nama syarikat yang akan terlibat dalam usaha ini dijangka diumumkan minggu hadapan.

"Kita masih dalam peringkat rundingan kerana pihak terlibat juga meminta tempoh untuk perbincangan dan dalam minggu hadapan, mereka akan dipanggil semula untuk nyatakan secara spesifik bentuk tawaran bagi



SALAHUDDIN Ayub (kiri) menunjukkan Menu Rahmah di Restoran Bekwoh, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

konsep Raya Rahmah ini," katanya kepada pemberita selepas Pelancaran Jelajah Menu Rahmah Perlis di Restoran Bekwoh, di sini, semalam.

Menerusi pelancaran itu, sebanyak lapan pengusaha kedai makan dan restoran di Perlis menyahut saranan kerajaan bagi melaksanakan inisiatif

berkenaan secara sukarela.

Mengulas mengenai perkembangan inisiatif menu Rahmah, Salahuddin berkata, kerajaan kini dalam perancangan membangunkan sebuah aplikasi dalam memudahkan pengguna mendapat akses maklumat berhubung lokasi restoran atau kedai makan yang menawarkan

perkhidmatan itu.

"Terdapat juga beberapa restoran makanan segera yang berminat untuk bersama dalam inisiatif ini dan buat masa ini mereka sedang dalam perbincangan lanjut bagi pelaksanaan itu," katanya.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, beberapa sektor lain antaranya seperti tekstil dan kesihatan juga telah menyatakan minat untuk turut sama menawarkan konsep Rahmah selepas ini.

Ujar beliau, terdapat juga institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memulakan inisiatif berkenaan walaupun kerajaan pada awalnya berhasrat memperkenalkan usaha itu di 20 pusat pengajian selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Sebagai contoh, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengambil inisiatif menyediakan menu Rahmah buat penuntut mereka dan ini merupakan satu usaha yang positif serta bakal melonjakkan peranan kami," katanya.

Strategi tangani kos sara hidup



RINTIHAN RAKYAT

DR ANIS YUSAL YUSOFF

Baru-baru ini saya bertemu seorang teman lama yang kini menetap di Ipoh, Perak dan berkecimpung dalam perniagaan membuat kek.

Dia mengeluh, betapa mudah orang memberi komen jika harga barang mahal, jangan beli barang tersebut atau cari alternatif lain yang lebih murah.

Tetapi bagaimana jika barang yang dia mahukan itu diperlukan untuk membantunya terus mencari pendapatan hidup dan tiada alternatif lain yang boleh digunakan?

Contohnya, sebagai penjual kek, pendapatan hariannya bergantung kepada banyak mana kek yang dijual. Setakat ini permintaan adalah baik kerana dia menjual dengan harga berpatutan.

Tetapi mana mungkin dia boleh terus menjual pada harga rendah sekiranya bahan-bahan untuk membuat kek semuanya melambung tinggi. Lebih membimbangkannya apabila bahan utama untuk membuat kek iaitu telur sukar diperoleh.

Kenaikan kos sara hidup, selain

membelenggu masyarakat, ia juga akan menimbulkan masalah sampingan seperti yang saya jelaskan. Bukan sahaja orang tidak mampu untuk membeli barang atau makanan tersebut, malah boleh menyebabkan mereka hilang punca pendapatan seperti kes kawan jika tidak kena gayanya.

Apakah sebenarnya yang boleh rakyat tahu tentang langkah-langkah penting bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang sebagai panduan untuk mereka turut memainkan peranan membantu kerajaan?

Antara perkara penting yang perlu dijaga oleh pihak berkuasa dengan sokongan pengguna ialah memastikan bekalan secara domestik mencukupi, menetapkan harga siling dan pemantauan secara kerap dilaksanakan penguat kuasa, menggalakkan amalan jimat cermat dalam kalangan pengguna, mengawal aktiviti import dan eksport, mengambil tindakan tegas ke atas peniaga yang melanggar undang-undang dan memudahkan proses aduan daripada pengguna.

Selain itu, pihak berkuasa juga perlu meneliti akar permasalahan yang menyebabkan kurangnya bekalan dalam negara. Hanya dengan kita menyelidiki dan memahami punca sebenar, barulah kita boleh selesaikan masalah dihadapi rakyat.

Dalam konteks tersebut, kita sangat alu-alukan usaha kerajaan hari ini kerana telah meletakkan kos sara hidup

sebagai antara fokus utama tanggungjawab sebuah kementerian, yang turut bertanggungjawab kepada perdagangan dalam negeri.

Maka, usaha untuk mendidik pengguna juga perlu dilipatgandakan oleh kerajaan dan pertubuhan pengguna agar semua pihak dapat memainkan peranan bagi menghadapi pelbagai cabaran ekonomi global.

Sambil kita berbangga dengan teknologi canggih pada abad ke-21 yang membantu tamadun manusia mencapai kemajuan secara global, kita juga jangan lupa percambahan kemajuan sains dan teknologi hari ini boleh menjadi penyebab persaingan kompetitif antara kuasa dunia untuk menguasai pasaran global.

Kesannya sudah pasti akan berlaku perperangan dingin dan rebutan kuasa sehingga menyebabkan pergolakan ekonomi.

Lihat sahaja implikasi perang Rusia-Ukraine. Kita di Malaysia tidak terkecuali menerima kesan seperti kenaikan harga barang secara khusus dan kos sara hidup secara amnya.

Walaupun kita tidak mempunyai kuasa untuk menghalang pergolakan dan peperangan tersebut tetapi kita boleh menyusun strategi bagi memastikan rakyat di Malaysia tidak menerima kesannya.

Oleh itu, mustahak untuk kita mengetahui cara menangani kenaikan harga barang demi kemaslahatan ber-

sama. Syarat utama untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang adalah dengan memastikan bekalan secara domestik sentiasa mencukupi.

Pendidikan asas ekonomi mengajar kita apabila ada permintaan melebihi penawaran, maka akan ada penjual mengambil kesempatan menaikkan harga dan menjual kepada mereka yang sanggup membayar pada harga tinggi untuk bekalan yang terhad.

Bagi mengelak kenaikan harga dan pembekal tidak menaikkan harga ketika permintaan meningkat, kita perlu tentukan bekalan sentiasa ada. Kerajaan boleh memastikan negara kita mempunyai stok penimbang kepada bahan-bahan makanan yang lazimnya akan naik harga pada musim tertentu.

Sebagai contoh, menjelang musim perayaan, harga daging dan ayam akan naik, maka pihak berkuasa boleh membenarkan jumlah import masing bekalan daging dan ayam lebih banyak berbanding waktu biasa. Itu antara usaha yang saya pasti telah pun dilaksanakan pak menteri. Menu Rahmah misalnya, adalah satu lagi inisiatif yang baik.

Moga kita dapat memperkenalkan lebih banyak lagi inisiatif yang akan membantu rakyat terbanyak di negara ini.

* Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff ialah Pengarah di UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau pernah menjadi Felo Utama di KITA, UKM, Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM

Pastikan menteri mampu kerjasama dengan pegawai

SAUDARA PENGARANG,

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sering menggunakan istilah manusiaawi yang dihubungkan dengan pembangunan sosioekonomi mahu dilaksanakan kerajaan.

Maknanya, pemimpin politik yang mempunyai sifat manusiaawi tinggi dengan nilai-nilai rahmah dan ihsan akan berupaya mensejahteraan rakyat tanpa merendahkan *karamah insaniah* (kemuliaan insan).

Maknanya, membangun aspek material tanpa merobohkan nilai kemanusiaan di dalamnya.

Yang penting dalam melaksanakan itu semuanya ialah sifat-sifat jujur, amanah dan integriti tinggi. Inilah antara hasrat Anwar dalam membangun masyarakat atau Malaysia Madani yang mahu mengangkat kemuliaan insan dalam seluruh aspek pemerintahannya.

Masyarakat madani tidak akan mampu dicapai sekiranya rakyat dipimpin oleh pemimpin yang mabuk atau gila kuasa yang tidak memiliki nilai manusiaawi dan integriti tinggi.

Pemimpin mabuk kuasa hanya suka bermegah-megah. Mereka cenderung melihat kuasa dari kaca mata kegoaan semata-mata sehingga menjerutnya kepada penyelewengan dan menyalahgunakannya.

Pada kebiasaannya, pemimpin yang hanya mementingkan kuasa mempunyai nilai integriti dan sifat manusiaawi yang rendah. Mereka akan mudah melakukan kezaliman terhadap pengikut dan rakyat.

Jika mereka melakukan sesuatu yang nampak zahirnya bersifat manusiaawi atau melaksana projek-projek pembangunan, di sebalik perlakuananya itu ada penyelewengan untuk mengumpul harta secara keji seperti rasuah dan merembat wang rakyat.

Pemimpin yang tidak mempunyai nilai integriti ini akan hilang keupayaan untuk memahami hakikat persekitaran. Mereka tidak berkeupayaan untuk memahami

kesusaahan dan penderitaan rakyat atau tidak mampu memahami denyut nadi kehidupan masyarakat.

Ia hilang sensitiviti manusiaawi kerana gagal melihat dan menapis realiti yang wujud di sekelilingnya kerana telah berada dalam perangkap kuasa.

Pemimpin yang berada dalam keegoaan kuasa biasanya gagal mewujudkan budaya saling bekerjasama sehingga pada dirinya terserlah sifat autokratik.

Jika mereka menteri yang memegang portfolio sesuatu kementerian maka ia akan gagal membina kerjasama dan sinergi baik dengan pegawai-pegawai awam di bawah kawalannya.

Jika mereka berurusan dengan masyarakat maka ia cenderung untuk memangsa dan menyalimi rakyat, pengkritik dan musuh-musuh politiknya.

Jika ia seorang pemimpin tertinggi sesuatu parti maka pemimpin seperti ini cenderung mencetuskan suasana keliru, mengeluarkan ucapan berbau ugutan dan akan sentiasa meningkatkan pengawasan dan kawalan terhadap pengkritiknya.

Langkah kerasnya gemar menggunakan kuasa secara autokratik untuk menyingkir musuh-musuh politiknya supaya kedudukannya selamat dan tidak dicabar.

Sikapnya ini akan menyebabkan kepemimpinannya diragui dan dibenci yang akhirnya boleh mengalami penurunan dan kejatuhan atau menanti masa untuk disingkirkan.

Pemimpin yang tidak mampu beridean dengan pengkritik dan musuh politiknya dengan hujah akan menyebabkan di sekelilingnya hanyalah pengikut yang bersifat ‘pembodek’ yang akhirnya akan membawa rebah kepadanya.

MOHD. AYOP ABD. RAZID
Penganalisis sosiopolitik bebas



HARUS dipastikan anggota-anggota Kabinet mempunyai hubungan baik dengan pegawai-pegawai bawahannya. - JABATAN PENERANGAN

Roti canai hanya RM1!

20 kedai makan di Kelantan tawar Menu Rahmah

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my

Kota Bharu

Sebanyak 20 kedai makan dan restoran di Kelantan menawarkan Menu Rahmah sejak Isnin lalu.

Antara kedai makan me-

nawarkan Menu Rahmah ialah Suriani Nasi Kukus, Ju-keee Nasi Ayam, Selera Kak Moh, Ceria Cafe, Nasi Lemak Red Warriors dan Selera Ayam Kampung Nurza yang terletak di beberapa daerah termasuk Gua Musang, Tanah Merah dan Pasir Mas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Kelantan, Azman Ismail berkata, setiap premis yang menyertai program berkenaan akan diberikan bunting untuk diletakkan di kedai.

Katanya, bunting berkenaan bagi memudahkan orang ramai mengetahui bahawa premis terbabit ada menyediakan Menu Rahmah.

"Walaupun hanya 20 kedai makan dan restoran yang



KPDN giat mempromosikan lebih banyak premis menyediakan Menu Rahmah.



NURSHUHAIDA Kamarazaman menunjukkan hidangan nasi kukus termasuk air yang dijual di kedai Jukee Nasi Ayam pada harga Menu Rahmah RM3.99 hingga RM5.00 di Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



Kita percaya jumlah yang menyediakan Menu Rahmah di Kelantan jauh lebih banyak, cuma mereka tidak memaklumkan kepada kami kerana banyak nasi yang dijual di bawah harga RMS"

Azman Ismail

memaklumkan kepada kami bahawa mereka menyediakan Menu Rahmah, namun untuk di Kelantan banyak kedai menyediakan harga di bawah RM5.

"Daripada 20 premis berkenaan, harga Menu Rahmah dikenakan paling rendah adalah RM1 bagi roti canai.

"Semua premis yang menyediakan Menu Rahmah kebanyakannya di Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah serta Gua Musang," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya

kini mempromosikan supaya lebih banyak premis yang menyediakan Menu Rahmah.

"Alhamdulillah, sambutan diterima sangat menggalakkan dan setiap hari kami akan turun padang ke 20 hingga 30 premis bagi mempromosikan perkara ini.

"Kita percaya jumlah yang menyediakan Menu Rahmah di Kelantan jauh lebih banyak, cuma mereka tidak memaklumkan kepada kami kerana banyak nasi yang dijual di bawah harga RM5," katanya.

Teh logo halal palsu

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor menyita 15,768 bungkus teh dan kopi bernilai RM23,000 yang disyaki menggunakan logo halal tidak sah, kelmarin.

Pengaruhnya, Lilit Saslinda Pornomo berkata, serbuan jam 3 petang itu dijalankan ke atas sebuah kilang pembungkusan minuman teh dan kopi di sekitar Kulai dekat sini.

"Serbuan dijalankan em-

pat penguat kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj). Produk berkenaan menggunakan logo halal yang tidak diperakui oleh badan yang bertanggungjawab," katanya, semalam.

Menurut beliau, kilang terbabit beroperasi sejak 2019 manakala produk terbabit dipasarkan ke seluruh negara.

"Seorang penyelia kilang wanita dan dua pekerja lelaki berusia 40 hingga 50-an sudah dirakam percakapan," katanya.



PENGUAT KUASA KPDN Johor dan JAINJ melakukan pemeriksaan ke atas bungkusan teh dan kopi sebuah kilang di Kulai kelmarin.

Teh, kopi guna logo halal palsu

JOHOR BAHRU – Tindakan tidak bertanggungjawab sebuah kilang membungkus teh dan kopi menggunakan logo halal palsu mengundang padah apabila diserbu dalam satu operasi Halal di Kulai, dekat sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor, Lillis Saslinda Pornomo berkata, sebanyak 15,768 unit bungkusan teh dan kopi disita dalam serbuan kira-kira pulak pulak 3 petang itu.

Menurutnya, operasi halal

berkenaan melibatkan lapan anggota penguat kuasa KPDN Johor bersama empat penguat kuasa dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

"Hasil pemeriksaan mendapati kilang terbabit disyaki menggunakan logo halal tidak sah dalam tujuan perdagangan. KPDN merampas sejumlah 15,768 unit bungkusan teh dan kopi bermilai RM23,000," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Lilis Saslinda berkata, hasil semakan lanjut mendapati kilang

itu telah menjalankan operasi berkenaan sejak 2019 dan memasarkan teh dan kopi itu ke seluruh negara.

Ujarnya, pihaknya telah mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan, Perenggan 8(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

Katanya, jika sabit kesalahan, syarikat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

KPDN serbu kilang bungkus teh, kopi

15,000 bungkusan disita, disyaki guna logo halal tidak sah

Oleh SHAHRIZAL AHMAD
ZAINI
KULAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Johor menyerbu sebuah kilang membungkus teh dan kopi di sini pada Selasa kerana disyaki menggunakan logo halal yang tidak sah.

Dalam operasi berkenaan, KPDN telah menyita 15,768 unit pelbagai bungkusan berisi teh dan kopi.

Pengarah KPDN Johor, Lilit Saslinda Pornomo berkata, logo

di kesemua bungkusan teh dan kopi di kilang tersebut juga didapati tidak diperakui oleh badan yang bertanggungjawab bagi tujuan perdagangan.

Menurut beliau, operasi tersebut melibatkan lapan anggota penguatkuasa KPDN Johor dengan dibantu oleh empat anggota penguat kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

"Jumlah keseluruhan nilai rampasan pada operasi berkenaan dianggarkan sebanyak RM23,000," katanya pada Rabu.

Kes itu disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan, Perenggan 8(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

Lilit Saslinda memberitahu, sekiranya didapati bersalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, hukuman bagi kesalahan ini adalah bagi pihak syarikat

boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000 bagi suatu pertubuhan perbadanan.

Bagi individu pula, jelas beliau, boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Lilit Saslinda menegaskan, pihak KPDN sentiasa menjalankan operasi bersepadu dengan pelbagai agensi berkaitan untuk memastikan operasi perlindungan berjalan mengikut kaedah yang diberikan termasuk tidak menyalahgunakan sewenang-wenangnya logo haram.



Pegawai KPDN meneliti bungkusan kopi dan teh yang disyaki menggunakan logo halal tidak sah.

Kantoi seludup diesel guna tangki diubah suai

MIRI – Kegiatan seorang lelaki menyeludup diesel menggunakan tangki yang diubah suai di dalam sebuah van terbongkar apabila ditahan di tepi jalan pasar Lutong di sini.

Ketika ditahan, suspek berusia 34 tahun itu sedang membawa 600 liter diesel.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Alexson Naga Chabu berkata, suspek dicekup empat anggota Unit Risikan Marin (URM) Markas Taktikal Pasukan Polis Marin Wilayah 5 Miri semasa menjalankan Op Kontraban kira-kira pukul 3.20 petang kelmarin.

"Semasa pemeriksaan, suspek gagal mengemukakan se-

barang dokumen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menambah, diesel yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,290.

Katanya, turut dirampas van yang digunakan suspek termasuk tangki yang sudah diubah suai untuk mengisi diesel serta dua unit pam minyak.

Alexson berkata, semua barang rampasan dan tangkapan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat KPDN Miri untuk siastan dan tindakan selanjutnya.

Katanya, kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.




TANGKI yang telah diubah suai suspek untuk menyeludup diesel menggunakan sebuah van di Miri kelmarin.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **16/2/2023**
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM13.50	Gula Pasir RM2.80	Cili Merah RM9.99
	Daging Lembu Tempatan RM36	Ikan Kembung RM7	Bawang Besar Holland RM2.49	Kubis Bulat Tempatan RM3.99
	Daging Lembu Import RM47.90	Miryak Masak RM6.65	Bawang Putih, RM4.99	Tepung Gandum RM3.00
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN

HARI	:	KHAMIS
TARIKH	:	16/2/2023
M/SURAT	:	1





MEDIA ONLINE (KPDN)

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Feb	KPDN lancar projek rintis bekal minyak Petrol dan Diesel tanpa subsidi kenderaan asing	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57392-kpdn-lancar-projek-rintis-bekal-minyak-petrol-dan-diesel-tanpa-subsidi-kenderaan-asing	BERITARTM
16-Feb	KPDN cadang perluas stesen minyak tidak bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245314	SH
16-Feb	KPDN cadang perluas stesen minyak tidak bersubsidi ke negeri sempadan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164711	BERNAMA
16-Feb	Stesen minyak komersial bakal diperluas di negeri bersempadan	https://suaramerdeka.com.my/stesen-minyak-komersial-bakal-diperluas-di-negeri-bersempadan/	SUARAMERDEKA
16-Feb	KPDN lancar projek petrol, diesel tanpa subsidi kepada kenderaan asing	https://utusantv.com/2023/02/15/kpdn-lancar-projek-petrol-diesel-tanpa-subsidi-kepada-kenderaan-asing/	UMTV
16-Feb	After Perlis, non-subsidised fuel stations to be expanded to other border towns	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/880126/after-perlis-non-subsidised-fuel-stations-be-expanded-other-border-towns	NST
16-Feb	Seludup petrol subsidi: Kenderaan asing mula beralih ke Kedah, Kelantan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/seludup-petrol-subsidi-kenderaan-asing-mula-beralih-ke-kedah-kelantan/	UM
16-Feb	Sindiket seludup petrol, diesel subsidi buntu di Perlis, mula beralih ke Pantai Timur	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064624/sindiket-seludup-petrol-diesel-subsidi-buntu-di-perlis-mula-beralih	BH
16-Feb	No rule in place to limit sale of Menu Rahmah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/15/no-rule-in-place-to-limit-sale-of-menu-rahmah	THESTAR
16-Feb	20 kedai makan di Kelantan tawar Menu Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936257/20-kedai-makan-di-kelantan-tawar-menu-rahmah	HM

16-Feb	Peniaga Menu Rahmah boleh beli produk sayuran melalui FAMA	https://www.sinarharian.com.my/article/245316/edisi/perak/peniaga-menu-rahmah-boleh-beli-produk-sayuran-melalui-fama	SH
16-Feb	Hendak Menu Rahmah tetapi harga barang tak turun	https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/hendak-menu-rahmah-tetapi-harga-barang-tak-turun/	KOSMO
16-Feb	[KOLUMNIS] Mengukuh kesedaran hak cipta dalam kalangan pengamal industri kreatif	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-mengukuh-kesedaran-hak-cipta-dalam-kalangan-pengamal-industri-creatif-406614%3famp=1	ASTROAWANI
16-Feb	Serbu kilang bungkus kopitiam, teh guna logo halal haram	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936307/serbu-kilang-bungkus-kopitiam-teh-guna-logo-halal-haram	HM
16-Feb	KPDN Johor rampas 15,768 bungkus teh dan kopitiam tanpa logo halal sah	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57403-kpdn-johor-rampas-15-768-bungkus-teh-dan-kopitiam-tanpa-logo-halal-sah	BERITARTM
16-Feb	KPDN Johor sita teh dan kopitiam guna logo halal tidak sah	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-johor-sita-teh-dan-kopitiam-guna-logo-halal-tidak-sah/	BULETINTV3
16-Feb	Kilang bungkus teh, kopitiam disyaki guna logo halal tidak sah diserbu	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164720	BERNAMA
16-Feb	Dua ditahan curi diesel bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245299	SH

16-Feb	Baju raya Rahmah menjelang Aidilfitri	https://wartaoriental.com/2023/02/15/baju-raja-rahmah-menjelang-aidilfitri/	
16-Feb	15 FEBRUARI 2023 -B.P-KPDN CA-DANG PERLUAS STESEN MINYAK TID-AK BERSUBSDI KE NEGERI SEMPA-DAN	https://youtu.be/kkD1E4sJbZ8	BERITARTM
16-Feb	KPDN cadang perluas stesen minyak tidak bersubsidi ke negeri sempadan	https://youtu.be/ZD_b15sWV6Y	BERNAMATV
16-Feb	KPDN fokus bantu peniaga tulen	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936460/kpdn-fokus-bantu-peniaga-tulen	HM
16-Feb	KPDN cadang perluas stesen minyak tanpa subsidi	https://mediapermata.com.bn/kpdn-cadang-perluas-stesen-minyak-tanpa-subsidi/	MEDIAPERMATA
16-Feb	KPDN suggest expansion of stations selling unsubsidised fuel	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2164749	BERNAMA
16-Feb	Domestic ministry suggests expanding petrol stations selling unsubsidised fuel	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/15/domestic-ministry-suggests-expanding-petrol-stations-selling-unsubsidised-fuel	THESTAR
16-Feb	Expansion of stations selling unsubsidised fuel to border states suggested, says Salahuddin	https://www.theedgemarkets.com/node/655360	THEEDGE MARKETS
16-Feb	Sindiket seludup petrol, diesel subsidi buntu di Perlis, mula beralih ke Pantai Timur	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064624/sindiket-seludup-petrol-diesel-subsidi-buntu-di-perlis-mula-beralih	BH
16-Feb	KPDN berhasrat perkenal 'Baju Raya Rahmah'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064813/kpdn-berhasrat-perkenal-baju-raja-rahmah	BH

16-Feb	Kerajaan berhasrat perkenal 'Baju Raya Rahmah'	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57445-kerajaan-berhasrat-perkenal-baju-raja-rahmah	BERITARTM
16-Feb	Kementerian berhasrat perkenal 'Baju Raya Rahmah', kata Salahuddin	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/428406	THEMALAYSIAINSIGHT
16-Feb	KPDN hasrat perkenal 'Baju Raya Rahmah'	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2164863	BERNAMA
16-Feb	KPDN terus pantau kualiti makanan Menu Rahmah	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-terus-pantau-kualiti-makanan-menu-rahmah/	BULETINTV3
16-Feb	KPDN Pantau Kualiti Makanan, Tiada	https://youtu.be/dJSPsDVnt7c	BULETINTV9
16-Feb	KPDN suggest expansion of stations selling unsubsidised fuel	https://www.thesundaily.my/home/kpdn-suggests-expansion-of-stations-selling-unsubsidised-fuel-FD10641859	THESUNDAILY
16-Feb	KPDN rampas lebih 3,000 unit alat ganti kenderaan tiruan RM240,792	https://tvstv.my/2023/02/15/kpdn-rampas-lebih-3000-unit-alat-ganti-kenderaan-tiruan-rm240792/	TVSTV
16-Feb	KPDN seizes over 3,000 units of counterfeit spare parts worth RM240,792	https://selangorjournal.my/2023/02/kpdn-seizes-over-3000-units-of-counterfeit-spare-parts-worth-rm240792/	SELANGORJOURNAL
16-Feb	KPDN rampas lebih 3,000 unit alat ganti kenderaan tiruan RM240,79	https://mediavariasi.com/2023/02/kpdn-rampas-lebih-3000-unit-alat-ganti-kenderaan-tiruan-rm240792/	MEDIAVARIASI
16-Feb	KPDN rampas lebih rm3,000 unit alat ganti kenderaan tiruan rm240,792	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164919#:~:text=PUTRAJAYA%2C2015%20Feb%20(Bernama),%2C%20Kuala%20Lumpur%2C%20minggu%20lepas.	BERNAMA
16-Feb	KPDN seizes over 3,000 units of counterfeit spare parts worth RM240,792	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2164920	BERNAMA

16-Feb	Alat ganti kenderaan disyaki tiruan dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1064870/alat-ganti-kenderaan-disyaki-tiruan-dirampas	BH
16-Feb	KPDN rampas lebih 3,000 alat ganti kenderaan tiruan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/245415	SH
16-Feb	Lima lelaki seleweng diesel RM161,100 ditahan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/936452/lima-lelaki-seleweng-diesel-rm161100-ditahan	HM